

## **Kemudahterancaman Perubahan Iklim: Kajian kes Komuniti Jahai di RPS Air Banun, Perak.**

Ronzi Mohd Yusoff (P59712), Joy Jacqueline Pereira, Sharina Abdul Halim,  
Hood Salleh dan Mustaffa Omar

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: ronziisa@gmail.com

**Pernyataan Masalah:** Memahami kemudahterancaman sesebuah komuniti terhadap fenomena perubahan iklim adalah agenda penting untuk berhadapan dengan ketidakpastian impak fenomena tersebut dan menjadi asas dalam membangunkan strategi adaptasi. **Objektif:** Bagi mengenalpasti keadaan tersebut dua objektif utama yang memandu kajian ini iaitu; (1) untuk memahami sejauh mana kebergantungan komuniti Jahai terhadap sumber tabii; (2) mengkaji fenomena kepelbagaian iklim dan kesannya terhadap sumber tabii dan kemudahterancaman komuniti Jahai. **Metodologi:** Kewujudan fenomena perubahan iklim di kawasan kajian dikesan menerusi kejadian kepelbagaian iklim. Kajian ini dilakukan di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli Jahai yang terletak di puncak Banjaran Titiwangsa selama satu tahun iaitu bermula pada Januari 2014 sehingga Disember 2014. Kerja lapangan banyak memfokuskan kepada pendekatan kualitatif. Manakala, tinjauan menggunakan borang soal selidik turut diaplikasikan dalam mengumpul data di lapangan. Temuramah secara mendalam menerusi sejarah hidup dilakukan ke atas generasi pertama RPS seramai 10 orang. Generasi pertama RPS Air Banun terdiri daripada mereka yang berumur dari 35 tahun dan ke atas. **Hasil:** Hasil analisis dapatan kajian mendapati walau pun analisis tren menunjukkan kemerosotan dalam keseluruhan amalan iaitu kegiatan ekonomi sara diri, kegiatan ekonomi komersial, pemakanan, kesihatan dan budaya dan adat resam namun pergantungan kepada sumber tabii terutamanya dalam kegiatan ekonomi sara diri masih lagi tinggi. Selain itu hasil dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya fenomena kepelbagaian iklim di kawasan kajian. Tren kemerosotan amalan-amalan tersebut didapati selari dengan tren kepelbagaian iklim di kawasan kajian. Analisis tren keterdapatan sumber turut berlaku sedemikian. Keadaan tersebut didapati meningkatkan lagi impak fenomena perubahan iklim terhadap kemudahterancaman yang telah sedia wujud dalam komuniti Jahai. Impak kepelbagaian iklim di kawasan kajian berlaku dalam dua keadaan, secara langsung dan tidak langsung. Impak secara langsung dikesan berlaku terhadap aspek fizikal dan aspek kesihatan. Manakala impak secara tidak langsung pula didapati berlaku terhadap amalan tradisi seperti kegiatan ekonomi, pemakanan, dan budaya dan adat resam. **Kesimpulan:** Langkah-langkah untuk memperkasakan warga peribumi perlu diberi perhatian sewajarnya bagi mengurangkan kemudahterancaman mereka terhadap impak fenomena kepelbagaian iklim dan pada masa yang sama memantapkan lagi strategi adaptasi di masa akan datang.